

515:
MAHATHIR

168

KUALA LUMPUR, 21 APRIL (BERNAMA)-- MALAYSIA MENGALU-
MENGALUKAN SEBARANG BANTUAN MANA-MANA SUMBER UNTUK MEMPAS-
TIKAN KEJAYAAN RANCANGAN-RANCANGAN PELAJARAN DAN LATIHANNYA,
DEMIKIAN MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA
HARI INI.

DI SAMPING ITU MALAYSIA JUGA SEDIA MEMBERIKAN SUMBANGAN KEPADA
NEGARA-NEGARA LAIN +DENGAN APA CARA YANG BOLEH,+
KATANYA.

DR. MAHATHIR BERUCAP DEMIKIAN DI PEMBUKAAN COLLOQUIM
LATIHAN JURUTEKNIK KEENAM ANJURAN RANCANGAN COLOMBO DI SINI.

KATANYA, MALAYSIA TELAH MENGORAK LANGKAH KEARAH
PEMBANGUNAN PERUSAHAAN YANG PESAT DAN INI MEWUJUDKAN
KEPERLUAN YANG LEBIH BESAR TERHADAP PARA PROFESIONAL,
JURUTEKNIK DAN LAIN-LAIN PEKERJA MAHIR.

TAMBAHNYA, TENAGA MAHIR SEMAKIN DIPERLUKAN
MEMANDANGKAN KEMAJUAN TEKNOLOGI DI DUNIA SEKARANG.

DENGAN ITU MALAYSIA YAKIN KERJASAMA SERANTAU ADALAH
PERLU JIKA NEGARA-NEGARA DI ASIA TENGGARA DAN ASIA SELATAN INGIN
MENCAPAI KEJAYAAN DI BIDANG PEMBANGUNAN EKONOMI.

MODAL PELABURAN YANG BESAR JUGA TIDAK AKAN DAPAT
MENGHASILKAN APA YANG DICITA-CITAKAN JIKA NEGARA-NEGARA
TERSEBUT TIDAK DAPAT MENGELUARKAN TENAGA MAHIR
YANG CUKUP UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK ITU. --BERSAMBUNG
1218/MD

516:
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR JUGA MENYATAKAN BAHAWA SETENGAH-SETENGAH
NEGARA MENGALAMI MASALAH KEKURANGAN PEMBANGUNAN
WALAU PUN KAYA DAN MEMPUNYAI SUMBER-SUMBER TENAGA MANUSIA
DAN HASIL BUMI YANG BANYAK.

INI MUNGKIN DISEBABKAN OLEH KEKURANGAN TENAGA MAHIR
DAN KEKURANGAN PENGGUNAAN TENAGA MANUSIA.

BELIAU YAKIN PERBINCANGAN MENGENAI MASALAH-MASALAH
BERKAITAN DENGAN MEMAJUKAN TENAGA MANUSIA DAN PERANCANGAN
PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL ADALAH SANGAT PENTING.

KATANYA, UNTUK MEMENUHI PERMINTAAN TERHADAP TENAGA
MAHIR, KERAJAAN HENDAKLAH MENUBUNHKAN SEBUAH POLITEKNIK,
LAPAN BUAH INSTITUT TEKNIK DAN 20 BUAH SEKOLAH
VOKESYENAL.

+SEBUAH LAGI POLITEKNIK SERUPA ITU SEDANG MEMASUKI
PERINGKAT PERANCANGAN TERAKHIR,+ KATANYA.

BELIAU MENGUCAPKAN TERIMAKASIH KEPADA JEPUN,
AUSTRALIA, NEW ZEALAND, BRITAIN, CANADA DAN NEGARA-
NEGARA LAIN YANG TELAH MEMBERIKAN BANTUAN DI BIDANG TEKNIK
DAN PENDIDIKAN VOKESYENAL DI MALAYSIA. --BERSAMBUNG 1222/MD

520:

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

KETUA PENGARAH PELAJARAN, TAN SRI HAJI HAMDAN SHEIKH TAHIR PULA MENYEBUT TENTANG DUA MASALAH UTAMA YANG DIDAPAI OLEH INSTITUSI-INSTITUSI NEGARA INI UNTUK MENGELUARKAN JURUTEKNIK-JURUTEKNIK TERLATIH.

PERTAMA TIALAH KE ARAH MELENGKAPKAN MEREKA DENGAN PENGETAHUAN TEORI DAN PRAKTIKAL DAN KEDUA UNTUK MENGATUR SERTA MEMASUKKAN BERBAGAI RANCANGAN PERUSAHAAN DALAM PROGRAM LATIHAN MEREKA.

UNTUK TUJUAN ITU SISTEM PELAJARAN TELAH DIUBAHSUAIKAN, TERUTAMA DI BIDANG TEKNIKAL, UNTUK MEMPERBAIKI BIDANG-BIDANG PERUSAHAAN, PERDAGANGAN DAN PERTANIAN NEGARA INI.

KATANYA, SEBUAH POLITEKNIK SAMA SEPERTI YANG ADA SEKARANG AKAN DIBINA DI KUANTAN TAHUN DEPAN DAN IA DIJANGKA DAPAT MENAMPUNG KIRA-KIRA 2,000 ORANG PENUNTUT APABILA SIAP KELAK.

DI SAMPING ITU LEBIH BANYAK SEKOLAH VOKESYENAL AKAN DIBINA DAN KESEMUANYA MENITIKBERATKAN USAHA UNTUK MENINGKIKAN TARAF PENDIDIKAN SECARA AM, PENDIDIKAN VOKESYENAL DAN TEKNIKAL BAGI MENYEDIAKAN PARA PENUNTUT BEKERJA DI BIDANG PERUSAHAAN.

PENGARAH BIRO RANCANGAN COLOMBO, ENCIK I.K. MEGREGOR BERTAKA, BILANGAN ANGGOTA RANCANGAN COLOMBO TELAH BERTAMBAH DARI TUJUH BUAH NEGARA DALAM TAHUN 1951 KEPADA 27.
--BERSAMBIUNG 1239/MD

521:

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

RANCANGAN TERSEBUT TELAH MENGANJURKAN 8,003 LATIHAN DAN RANCANGAN PENUNTUT DI RANTAU INI SEJAK 1951. MALAYSIA SAHAJA TELAH MENGANJURKAN 168 RANCANGAN SERUPA ITU SEJAK 1957.

RANCANGAN ANTARA NEGARA MERUPAKAN 80 PERATUS DARI JUMLAH RANCANGAN YANG DIANJURKAN DI BAWAH RANCANGAN TERSEBUT.

KATANYA, COLLOQUIM ITU AKAN MEMBINCANGKAN HANYA PERKARA-PERKARA PENTING TERMASUK:

- PENGARUH PENDIDIKAN JURUTEKNIK KE ATAS PEMBANGUNAN EKONOMI, DARI PANDANGAN JANGKA PANJANG DAN PENDEK:

- PENYELIDIKAN DI BIDANG PENDIDIKAN JURUTEKNIK, DAN

- MEMPERBAIKI TARAF JURUTEKNIK.

KIRA-KIRA 100 ORANG PESERTA DAN PARA PEMERHATI DARI 27 BUAH NEGARA MENGHADIRI PERSIDANGAN ITU. --BERNAMA 1242/MD

169